



Gambar hadiah : Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor bersama Sultanah dan puterinya Tengku Mariam. Oleh sebab gambar ini tidak berapa terang kerana gambarnya diterima oleh U.V. dengan radio maka tak dapat dijadikan gambar berwarna – ia hanya dicetak dengan dua warna sahaja. Mudah-mudahan kita akan mendapat gambar daripada Duli Yang Maha Mulia yang lebih terang yang akan kita buat berwarna kelak.

BULAN SAFAR

(dikarang khas oleh seorang penulis)

(1) Selesai Muharam, terbangnya lesap

Safar pula datangnya berdesap

Mengantikan Muhamram mengambil saf

Menurut peredaran hitungan hisab.

(2) Kita ucapan selamat bersafar

Lepas bahaya kebulur dan lapar

Di dalam bulan nañas bergapar

Mengandungi berbagai haru dan sampar.

(3) Konon yang melebihi di akhir Rabu

Nahas dan malang turun berdebu

Jika tak cukup perisai dan kubu

Berbagai bencana datang menyerbu.

(4) Dari itu larilah keluar

Meninggalkan rumah, bersolek melor

Yakinkan wafak, jampi dan tawar

Boleh melepaskan sampar dan haru.

(5) Keluar berkelah beramai-ramaian

Mabuk bersuka bermandi-mandian

Gong gendang, tari bunyian

Menolak bala dalam tempayan.

(6) Demikianlah setengah punya kepercayaan

Bulan Safar banyak kecelakaan

Bila disiasat Hadis dan Quran

Nyatalah bidaah berlebih-lebihan.

(7) Quran Hadis tidak menuduh

Bulan Safar harinya hodoh

Menyebabkan bencana tengkar bergaduh

Semuanya itu sangkaan bodoh.

(8) Bodoh akal bodoh ingatan

Bodoh kelakuan, bodoh perbuatan

Boros dan maksiat jadi ikutan

Semata membazir berikhwankan syaitan.

(9) Cuba tafakur fikir perlahan

Jahat baik takdirnya Tuhan

Kenapa tak sujud mohon kasihnya?

Lepaskan daripada segala kesusahan.

(10) Mohon dilepaskan kejahatan bala

Demikianlah cara bencana ditolak

Takkalan susah berjoli pulak

Menari menyanyi terlalak-lalak.

(11) Di sinilah nampak terang dan nyata

Iktikad bersafat bulannya lata

Disambut dengan bersuka-cita

Iaitu kepercayaan yang amat dusta.

(12) Adakah munasabah sabit di akal

Kepada Allah tak muahu tawakal

Bala bencana dapat disangkal

Dengan maksiat, membazir dan tangkal???